

Hasil baka baru

Teknik pernian beradas mampu lahirkan sehingga 5,000 lembu setiap tahun


>>Oleh Nor Amalina Alias
nm@hmetro.com.my

BACHOK: Penggunaan teknologi pernian beradas menguntungkan penternak di daerah ini apabila mampu menghasilkan 4,000 hingga 5,000 ekor lembu baka baru setiap tahun sejak 24 tahun alu.

Malah, penggunaan teknologi itu menjadikan Bachok sebagai pengeluar baka ternakan eksotik tertinggi di semenanjung Malaysia sejak 1988 sehingga hari ini.

Penolong Pegawai Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan, Normala Turkiban, 54, berkata, penghasilan baka itu termasuk lembu jenis Belgium Blue, Carolais, Limousin dan Brahman.

"Melalui kaedah pernian beradas, lembu betina empatan mampu bunting lebih awal iaitu sebulan saja berbanding tempoh biasa iaitu tiga hingga empat bulan



TEKNOLOGI...
Normala (kiri) menerangkan cara melakukan pernian beradas kepada peserta di Kampung Kubang Golok, Bachok, kelmarin.

selepas kelahiran.

"Kebanyakan lembu kacukan itu diambil daripada baka tempatan iaitu Kedah-Kelantan (KK)," katanya.

Menurutnya, kaedah pernian beradas itu dijalankan secara 'rektal cervical, iaitu menggunakan sejenis radas dikenali sebagai pistolet untuk memasukkan semen (air mani) baka jantan

yang diimport dari luar negara ke dalam serviks lembu betina tempatan.

"Semen baka jantan diperolehi dari Amerika Syarikat, Perancis dan Australia. Hasil percampuran itu, lahirlah baka lembu baru dengan kualiti daging lebih tebal dan sudah dieksport ke pasaran di luar Kelantan," katanya.

Normala berkata, selain

mampu menghasilkan baka baru dalam populasi ternakan tempatan, teknologi pernian beradas boleh dilakukan dengan kos serendah RM50 dengan bantuan individu terlatih daripada JPV atau syarikat swasta yang menjalani kursus mengenai cara pengendaliannya.

"Sehingga kini, terdapat empat individu terlatih da-

ripada JPV dan empat lagi daripada syarikat swasta yang dilantik di daerah ini mempunyai kemahiran menggunakan teknologi berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, penternak lembu, Mohd Asri Hamid, 42, berkata, 90 peratus ternakan yang menggunakan teknologi berkenaan bunting dan seawal usia setahun mampu mencapai harga RM4,000.

"Ini kerana, lembu baka baru mempunyai daging lebih 60 peratus dan penjagaannya mudah seperti ternakan tempatan lain," katanya yang mempunyai tiga lembu jenis Blonde D'aquitaine hasil teknologi pernian beradas.

Mohd Asri yang turut dilantik sebagai wakil syarikat swasta mula menjalankan proses memasukkan semen baka baru sejak 2007 dan kini purata 30 ekor lembu menggunakan teknologi pernian beradas setiap bulan di sekitar Bachok dan Kota Bharu.